

Pembudayaan STEM di sekolah akan diperluas, tingkatkan kemahiran belia - Fadhlina

Oleh **Mohd Nasaruddin Parzi** - Mei 2, 2024 @ 2:56pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek bergambar bersama pengajar dan pelajar UPM selepas merasmikan UPM 5th Distinguished Lecture Series on Youth Well-Being di Fakulti Kejuruteraan, UPM. - Foto HAZREEN MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan (KPM) optimis dan terus berusaha meningkatkan kemahiran belia dan anak muda negara dalam aliran sains menerusi pembudayaan Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) di sekolah.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, pihaknya juga mahu, pembudayaan STEM di kalangan anak muda khususnya murid dan pelajar sekolah tidak sekadar berakhir di alam persekolahan, tetapi diteruskan ke peringkat lebih tinggi.

"Kita ambil tanggungjawab khususnya dalam jawatankuasa STEM. Dalam jawatankuasa ini, antara perkara diberi tumpuan adalah meningkatkan kemahiran belia dan anak muda kita dalam aliran sains. Pembudayaan STEM di sekolah sedang diberi perhatian dan dalam Belanjawan 2024, kita dimaklumkan mengenai RM100 juta diperuntukan untuk pembaikan makmal.

"Ini semua inisiatif penting dalam usaha kita membudayakan STEM di sekolah. Kita juga sedang meningkatkan program inovasi di sekolah serta merentas kementerian lain. Inisiatif sedang berjalan dengan sangat baik dan mudah-mudahan segala 'krisis' ini kita dapat tangani dengan sebaiknya menerusi pembudayaan STEM di sekolah.

Beliau berkata demikian ditemui media selepas menghadiri siri syarahan kecemerlangan dan kesejahteraan belia di Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini.

Fadhlina mengulas laporan media minggu lalu melaporkan, bahawa negara dibimbangi akan kehilangan tenaga kerja profesional seperti doktor dan saintis disebabkan semakin ramai pelajar di peringkat sekolah menengah tidak lagi cenderung mengikuti pelajaran dalam jurusan Sains Tulen.

Ini berdasarkan peratusan calon yang mengambil subjek Sains Tulen dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dikesan terus merosot di bawah 15.2 peratus, dengan pakar pendidikan berpendapat, jika trend ini berterusan, sasaran menjayakan dasar 40 peratus pelajar mengambil bidang Sains Tulen yang merangkumi sebahagian teras Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) akan terjejas.

Dalam pada itu, Fadhlina berkata, pengumuman kerajaan menaikkan gaji penjawat awam lebih 13 peratus turut memberi kelegaan kepada warga pendidik.

"Ini berita sangat mengagumkan. Kerajaan Madani akan terus menjaga dan memastikan kebajikan penjawat awam. Juga memastikan bahawa apa yang sedang kita kerjakan adalah benar-benar komitmen kita," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan kenaikan gaji semua penjawat awam lebih 13 peratus bermula 1 Disember ini, iaitu kenaikan tertinggi dalam sejarah negara berbanding lebih 13 peratus sebelum ini.

Menyentuh entri seorang pegawai KPM yang didakwa memuat naik kandungan dianggap mempersenda pengumuman kenaikan gaji penjawat awam, beliau berkata, siasatan dalaman sedang dijalankan kementeriannya.